

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November, 1991

AOP400 - PERKEMBANGAN ORGANISASI

Masa : [3 jam]

-----  
ARAHAN  
-----

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Nyatakan ciri utama bidang perkembangan organisasi dan terangkan nilai dan andaian yang menjadi asas bagi semua usaha perkembangan organisasi.

[20 markah]

2. Terangkan lima gaya perunding dan kenalpastikan masalah asas dalam perhubungan perunding-pelanggan.

[20 markah]

3. Apakah 'diagnosis organisasi'? Nyatakan model utama diagnosis dan teknik yang boleh dipakai dalam program perkembangan organisasi.

[20 markah]

AOP400

4. Kenalpastikan faktor-faktor pada peringkat individu dan organisasi yang menyebabkan tentangan terhadap perubahan. Apakah strategi yang boleh dipakai oleh perunding untuk mengurangkan tentangan tersebut.

[20 markah]

5. Terangkan matlamat pembangunan pasukan. Terangkan kegunaan teknik 'perundingan peranan' (role negotiation) dan 'analisis peranan' (role analysis) sebagai intervensi dalam pembentukan pasukan.

[20 markah]

6. Bincangkan intervensi penting yang digunakan untuk melaksanakan perubahan secara menyeluruh (system wide) yang dirancangkan di dalam organisasi.

[20 markah]

7. Tuliskan nota secara ringkas mengenai perkara berikut:

- (a) Peranan kumpulan kualiti (role of quality circles).
- (b) Teknik cermin organisasi (Organization mirror).
- (c) Tetingkap Johari (Johari window).

[20 markah]